

**Kerajaan Disaran Utama Bakat Dalam Duduki Jawatan Tinggi Sektor Awam
Bernama
06 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- Kerajaan perlu menggunakan bakatnya sendiri dan tidak memilih dari sektor swasta bagi menduduki jawatan tinggi dalam perkhidmatan awam, kata Institut Jurutera Malaysia (IEM).

Dalam satu kenyataan, IEM berkata ia bersetuju dengan hasrat kerajaan untuk melantik bakat terbaik bagi menduduki jawatan tinggi dalam perkhidmatan awam.

"Namun, di sebalik melihat kepada sektor swasta, IEM percaya terdapat bakat yang besar daripada stafnya sendiri (sektor awam) terutama jurutera dan kumpulan profesional lain yang belum diteroka untuk menduduki jawatan tertinggi dalam kerajaan," katanya.

Menurut IEM, terdapat ramai golongan profesional termasuk jurutera yang berkebolehan dalam bidang masing-masing yang boleh memacu pencapaian cemerlang sektor awam, jika diberi laluan.

Badan profesional itu berkata budaya kerja sektor awam dan swasta adalah berbeza dengan sektor awam mementingkan perkhidmatan dan bekerja mengikut bajet, sementara sektor swasta lebih mementingkan keuntungan menerusi memaksimum keuntungan dan meminimum kos dan perbelanjaan.

"Oleh itu ia tidak sesuai bagi jawatan tinggi perkhidmatan awam diterajui oleh mereka dari sektor swasta yang budaya kerjanya adalah berbeza," kata IEM.

Namun ia berkata kerajaan boleh menubuhkan lembaga penasihat peringkat tinggi di pelbagai kementerian dengan melantik ahli terkemuka daripada sektor swasta.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=632287>